

12 SEP 2003

Bajet-Reaksi (Pembangking)/I

BAJET 2004 IALAH BAJET PILIHAN RAYA, KATA PEMBANGKANG

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- "Bajet 2004 pastinya bajet pilihan raya," kata naib presiden Parti Tindakan Demokratik (DAP) Tan Seng Giaw yang membuat andaian itu berdasarkan kepada peruntukan besar pembangunan bagi menyediakan kemudahan untuk rakyat.

Sebagai contoh, beliau berkata buat pertama kali, perbelanjaan bagi perumahan awam akan mencapai RM2 bilion walaupun angka untuk pendidikan agak konsisten.

Walaupun kerajaan tidak mengurangkan cukai korporat dalam bajet 2004, beliau menjangkakan ini akan berlaku oleh kerana Singapura dan Thailand sudahpun berbuat demikian.

Bagaimanapun anggota Parlimen Kepong itu kecewa cadangan lapan perkara DAP dalam 'New Deal for Mother-Tongue Education' tidak diambil kira dalam bajet.

Sementara itu Setiausaha Agung DAP Kerk Kim Hock berkata ia lebih daripada bajet pilihan raya kerana ia nampak beliau (PM) mahu menyatakan terima kasih kepada rakyat.

Sementara itu Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang juga bersetuju yang bajet itu adalah bajet pilihan raya.

Beliau berkata walaupun beberapa peruntukan diberi bagi projek yang dicadangkan, dikhuatiri campur tangan politik, kronisme dan rasuah akan menggagalkannya.

"Kita merasa bimbang bahawa peluang pengswastaan akan menyuburkan perkara-perkara itu," katanya.

Timbalan Presiden Pas Datuk Mustafa Ali berkata, pihaknya menyambut baik bajet kali ini walaupun ia boleh disifatkan sebagai Bajet Selamat Tinggal dan bertujuan mengambil hati semua pihak.

Beliau berkata Bajet 2004 merupakan satu sejarah kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil masa kira-kira tiga jam untuk membentangkannya.

Beliau bagaimanapun tidak bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri semasa membentangkan bajet itu bahawa terdapat rakyat di beberapa negeri yang masih miskin kerana pemimpin yang mereka pilih tidak mampu melaksanakan pembangunan negeri.

Sementara itu, presiden Parti Keadilan Rakyat Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail memberitahu Bernama, bajet 2004 yang dibentangkan oleh Dr Mahathir hari ini turut menampilkan beberapa daripada cadangan pembangkang dalam Strategi Belanjawan Pembangkang 2004.

Anggota Parlimen Permatang Pauh itu berkata pengecualian cukai jalan bagi motosikal dengan kapasiti tidak melebihi 150 c.c. adalah lebih kurang sama dengan syor pembangkang supaya motosikal dengan kapasiti kurang 250 c.c. dikecualikan daripada cukai jalan.

Wan Azizah juga berkata tumpuan pada perumahan kos rendah juga lebih kurang sama dengan program yang dijalankan semasa suaminya Datuk Seri Anwar Ibrahim memegang jawatan Menteri Kewangan.

Beliau berkata, Strategi Belanjawan pembangkang menetapkan sasaran untuk meningkatkan bilangan keluarga yang "yang mampu daripada segi kewangan" kepada 80 peratus daripada jumlah penduduk negara menjelang 2020.

Wan Azizah juga berkata cadangan untuk mengambil alih projek-projek perumahan terbengkalai "sepatutnya sudah lama dilakukan" dan juga berkata beliau mendapati belanjawan itu tidak merujuk kepada ketelusan pentadbiran korporat dan akauntabiliti.

Beliau juga berkata, bajet itu tidak menyatakan syarikat-syarikat atau individu yang diselamatkan oleh kerajaan.

"Di mana mereka berada sekarang?" tanya beliau. "Mereka harus kembali untuk membuat sumbangan."

-- BERNAMA

SMO PR